

# Ke Mana Nasionalisme Melayu?



**RUSTAM A.SANI**

## Kandungan

Prakata	vii
Penghargaan	xiii
1 Nasionalisme Melayu dan Negara Pasca-kolonial	1
2 Tahun-tahun Tiga Puluhan	15
3 Kepemimpinan Politik Melayu Peringkat Awal	29
4 Badan-badan Bahasa dan Sastera	41
5 Ke Arah Gagasan Bangsa Malaysia	59
6 Pembentukan Elit Politik Melayu	77
7 Wawasan 2020 dan Gagasan Melayu Baru	91
8 Reformasi: Kesan Krisis Ekonomi 1998	107
9 Parti Keadilan Rakyat Menemukan Landasan Sejarahinya	123
10 Penutup: Ke Mana Nasionalisme Melayu	129
Bibliografi	141

## Nasionalisme Melayu dan Negara Pasca-kolonial

'Nasionalisme Melayu' telah sering diperkatakan, tetapi belum pernah dihuraikan dengan jelas. Dalam kebanyakan pembicaraan tentang urutan sejarah perkembangan masyarakat di Malaysia, fenomena tersebut sering dikemukakan sebagai tenaga penting dalam menggerakkan dan menentukan arah sejarah. Namun demikian, belumlah terdapat sebarang usaha untuk mengenal pasti fenomena tersebut secara konseptual. Jika kita meneliti keseluruhan hasil-hasil tulisan mengenai nasionalisme Melayu, maka ternyata bahawa sebarang bentuk pernyataan dan tindakan politik orang Melayu – tanpa batasan-batasan waktu yang jelas – telah dimasukkan di bawah rubrik 'nasionalisme Melayu' dan disenaraikan begitu saja tanpa panduan takrifan yang nyata.

Untuk keperluan perbincangan buku ini, perlulah dinyatakan batasan-batasan yang kita kenakan terhadap pengertian 'nasionalisme Melayu' itu. Secara umumnya, yang kita maksudkan dengan 'nasionalisme' ialah gerakan ideologi ke arah menegakkan autonomi, kesepaduan dan keperibadian bagi pihak suatu kelompok sosial yang dianggap sebagai membentuk, atau boleh membentuk, sebuah negara-bangsa (*nation*). Konsep 'negara-bangsa' itu pula merupakan satu mitos yang abstrak, yang apabila dapat menyelaraskan tanggapan tentang kerakyatan dengan *ethnicity* dan daerah yang tertentu, akan memenuhi kepuasan identiti yang tertentu dan menimbulkan perasaan setia yang kuat sekali. Sebarang asas kesepaduan kumpulan – persamaan keturunan, persamaan pengalaman sejarah, persamaan bahasa, malah persamaan agama – boleh menjadi asas keperibadian yang diandaikan itu. Yang pentingnya kumpulan itu

## Ke Mana Nasionalisme Melayu?

dianggap oleh penggerak gerakan tersebut sebagai boleh membentuk sebuah *nation*, setanding dengan bangsa-bangsa lainnya di dunia.

Meskipun terdapat bukti-bukti tentang wujudnya kesedaran tentang identiti Melayu sejak lama, namun pemaduan kesedaran tersebut dengan tanggapan tentang *nation* adalah sesuatu yang agak baru. Dalam konteks kawasan yang kini disebut Semenanjung Malaysia (Malaya), ideologi yang demikian bolehlah dikatakan mulai berkembang (tetapi masih jauh daripada telah terbentuk sepenuhnya) dalam hubungan-hubungan sosial masyarakat kolonial pada tahun-tahun 1930an.

Beberapa kajian yang bersifat makro-sejarah tentang masyarakat Melayu di Malaysia telah memberikan gambaran yang agak jelas tentang sifat *heterogeneous* struktur masyarakat tersebut. Proses kolonial menyerapkan Malaya ke dalam orbit perkembangan kapitalis sedunia telah mencapai puncaknya pada akhir abad kesembilan belas. Pada ketika itu, dua kategori struktur yang kasar dalam masyarakat Melayu – yakni golongan rakyat-tani pada peringkat desa dan golongan ‘pemerintah’ pada peringkat supra-desa – memperlihatkan reaksi yang berbeda terhadap ‘pertembungan kolonial’ itu. Oleh yang demikian, kategori sosial yang berlainan itu seterusnya mengalami pola perkembangan sosial yang berlainan pula.

Di satu pihak, golongan pemerintah tradisional pada peringkat supra-desa telah diserapkan ke dalam struktur pemerintahan kolonial untuk membentuk golongan pentadbir baru yang menolong menjalankan jentera negara kolonial itu, tetapi pada kedudukan yang lebih rendah daripada para pentadbir Inggeris sendiri. Di pihak yang lain pula, golongan tani yang tradisional berundur ke dalam alam ekonomi ‘tani-saradiri’nya. Golongan ini hanya sedikit tersentuh oleh perkembangan ekonomi bersifat kapitalis yang sedang melanda alam sekitarnya. Kesan proses sosial ini terhadap struktur demografis di Malaya telah diketahui dan sering diperkatakan – dan tidak perlu dihuraikan di sini.

Latar belakang struktur sosial masyarakat Melayu ini penting disedari dalam penelitian kita terhadap perkembangan reaksi awal yang bersifat politik dan nasionalis orang Melayu terhadap pemerintahan kolonial. Reaksi awal itu terutamanya dilahirkan dalam bentuk rasa tidak puas di kalangan masyarakat Melayu terhadap keadaan

## Nasionalisme Melayu dan Negara Pasca-kolonial

mereka yang dianggap sebagai 'mundur' jika dibandingkan dengan keadaan sebahagian daripada golongan etnik pendatang yang pada ketika itu sudah tidak lagi memperlihatkan ciri-ciri satu golongan pendatang yang sementara. Maka terdapatlah kecenderungan di kalangan orang Melayu ketika itu untuk membentuk organisasi-organisasi yang bersifat politik atau sekurang-kurangnya separuh politik. Akan tetapi, terdapat juga kecenderungan pada waktu itu untuk menyerahkan pimpinan organisasi-organisasi yang demikian kepada tokoh-tokoh yang datang dari golongan aristokrat-pentadbir dari peringkat supra-desa. Sebahagiannya ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa organisasi politik merupakan sesuatu yang baru bagi orang-orang Melayu, sedangkan tokoh-tokoh tersebut mempunyai kemahiran mentadbirkannya kerana pendidikan kolonial (tidak semestinya sama dengan pendidikan Barat) yang telah mereka peroleh.

Kegiatan organisasi-organisasi tersebut dijalankan dalam konteks negeri-negeri Melayu tradisional, yang tiap satunya termasuk dalam lingkungan 'kuasa' raja-raja Melayu tertentu. Gerakan-gerakan itu tidak anti-kolonial sifatnya, kerana menentang pemerintahan kolonial tidaklah dipersepsikan sebagai berlainan daripada menentang pemerintahan raja-raja Melayu sendiri. Para pemimpin gerakan-gerakan tersebut sering kali menekankan bahawa gerakan yang mereka pimpin itu akan senantiasa taat setia kepada pemerintah.

Di kalangan gerakan-gerakan politik ini tidaklah jelas kelihatan cita-cita yang nyata tentang konsep negara cita yang merdeka lagi jelas batas-batas daerahnya. Istilah 'Malaya' sebagai satu konsep negara-bangsa masih belum lahir. Malah istilah tersebut sekitar tahun-tahun tiga puluhan itu digunakan sebagai istilah yang mempunyai pengertian yang menghina, yang membawa maksud kelompok-kelompok kaum imigran 'yang tamak haloba' yang dianggap sedang mengancam hak-hak anak watan orang Melayu. Jika hendak dikesan tanggapan tentang 'negara-bangsa' dalam cita-cita perjuangan gerakan-gerakan tersebut, maka negara-bangsa itu bolehlah kira-kira diselaraskan dengan batas-batas negeri yang terletak di bawah kekuasaan raja-raja Melayu tradisional.

Masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh orang Melayu pada tahun-tahun tiga puluhan itu juga telah membangkitkan minat